

06 JUN 2003

Effendi-Belia

BELIA MINAT DENGAN PERTANIAN BOLEH MOHON LATIHAN PROFESIONAL

SITIAWAN, 6 Jun (Bernama) -- Golongan belia yang berminat menjadikan kegiatan pertanian sebagai kerjaya boleh memohon menjalani latihan profesional di bawah kendalian Kementerian Pertanian.

Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi berkata berikutan pengumuman pakej rangsangan ekonomi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kementerianya akan membina lima pusat inkubator di seluruh negara yang akan digunakan untuk melahirkan golongan profesional dan terlatih dalam bidang pertanian.

Katanya, pusat-pusat inkubator ini akan dibina di Serdang, Selangor iaitu dua pusat inkubator, manakala masing-masing satu di Besut, Terengganu; Kuala Lipis, Pahang dan Lekir, Perak.

"Di pusat inkubator itu kita akan berikan latihan hands-on selama enam bulan dan kemudian kita akan letakkan mereka di bawah program kementerian terutamanya projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan tanah-tanah terbiar," katanya kepada pemberita selepas lawatannya ke TKPM Lekir dan Pusat Latihan Pertanian Lekir, dekat sini hari ini.

Mohd Effendi berkata sepanjang latihan selama enam bulan para pelatih akan ditekankan aspek pengurusan perniagaan dan pengurusan teknologi terkini dalam pertanian.

"Setiap peserta apabila diletakkan di projek-projek di bawah kementerian, mereka akan membawa teknologi terkini disamping mahir dengan pelan perniagaan. Mereka juga akan mendapat sokongan dari semua 13 agensi di bawah Kementerian Pertanian," katanya.

Beliau berkata apabila pusat-pusat inkubator tersebut siap dalam masa terdekat, pada peringkat awal kelima-lima pusat itu boleh melatih kira-kira 500 orang setahun.

"Inkubator ini dalam pembinaan, tetapi kita telahpun ada pelatih yang kita ambil sejak awal tahun iaitu 17 orang jumlahnya dan mereka akan tamat latihan bulan ini. Pengambilan berikutnya bulan hadapan.

"Pemilihan pelatih kebanyakannya dilakukan oleh Jabatan Pertanian negeri kerana kita mahu letakkan mereka di projek-projek kita di negeri-negeri. Bagi yang berminat mereka boleh berhubung dengan Jabatan Pertanian negeri," katanya.

"Pemilihan pelatih kita bahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama mereka yang lulus dari institut pertanian dan lulusan institusi pengajian tinggi. Kedua, mereka yang pernah mengikuti latihan kerjasama Malaysia-Jepun dan yang terakhir belia-belia yang berminat. Selain itu, golongan belia yang mempunyai tanah dan minat memajukan tanah itu untuk pertanian, digalakkan memohon," katanya.

Mohd Effendi berkata selain itu di bawah pakej rangsangan juga, Kementerian Pertanian merancang untuk membuka tanah seluas 8,000 hektar dalam masa 12 bulan bagi kegiatan pertanian makanan.

"Ia boleh memberi peluang kepada sekurang-kurangnya 3000 pengusaha baru untuk terlibat dengan pertanian moden. Untuk projek ini, ia akan dibangunkan dengan menjalankan projek-projek benchmark yang baru.

"Para peserta boleh mendapatkan pinjaman di bawah dana Program Makanan dari Bank Pertanian Malaysia. Interestnya hanya 3.7 peratus setahun. Projek ini ada daya maju yang baik. Kita akan berikan latihan pengeluaran maksima.

"Sebagai contoh yang telah dilakukan oleh seorang penanam mangga. Untuk memajukan tanah seluas lima hektar dengan mangga, dia memerlukan pinjaman RM200,000. Bagaimanapun, selepas lima hingga tujuh tahun dia mampu

mendapatkan pulangan bersih RM120,000 setahun untuk sehektar tanah," kata Mohd Effendi.

Sementara itu, beliau berkata bagi projek TKPM, beliau berharap kerajaan negeri akan memberikan tanah-tanah yang sesuai untuk kegiatan pertanian bagi projek tersebut.

"Kita sedang kaji tanah yang dicadangkan kerajaan negeri. Ada 20 projek TKPM seluruh negara dengan melibatkan tanah seluas 50,000 hektar. Tahun ini dan tahun depan kita akan lancarkan 4,000 hektar pertama tanah projek itu," katanya.

-- BERNAMA

KAY ZB